

PRU15 bila semua bersedia

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

BERA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau sendiri belum tahu bila Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) boleh diadakan biarpun Barisan Nasional (BN) memperoleh kemenangan lebih dua pertiga dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor semalam.

Perdana Menteri yang juga Naib Presiden UMNO berkata, beliau memaklumkan sebelum ini bahawa PRU15 hanya diadakan apabila semua telah bersedia.

“Biarpun dalam UMNO ada desakan kumpulan kecil supaya diadakan PRU15, tetapi setiap keputusan kita akan bincang dalam parti, kita tidak boleh ada kumpulan-kumpulan kecil.

“PRU suatu yang besar, kita akan bincang secara serius dalam parti. Jadi parti akan buat keputusan,” kata beliau pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Bantuan Lesen Memandu Keluarga Malaysia di Kompleks Rakan Muda Bera semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan negeri, Datuk Seri Norol Azali Sulaiman dan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Zailani Hashim.

Bahang PRU15 semakin panas



ISMAIL SABRI Yaakob menyantuni seorang ibu dan anaknya pada Program Bantuan Lesen Memandu Keluarga Malaysia di Kompleks Rakan Muda Bera di Bera semalam.

setelah BN mengungguli PRN Johor dengan meraih 40 kerusi sekali gus melepasi majoriti dua pertiga, PN mendapat tiga kerusi, DAP (9) dan Parti Ikatan Demokratik Malaysia (1), Parti Amanah Negara (1) dan PKR (1).

Susulan kemenangan terse-

but kedengaran laungan ‘bubar Parlimen’ oleh penyokong BN ketika Perdana Menteri berada dalam bangunan UMNO Johor untuk mengikuti pengumuman kemenangan gabungan tersebut.

Ditanya adakah keputusan PRN Johor menjejaskan hubu-

ngan antara Kabinet Keluarga Malaysia, Ismail Sabri berkata, setiap ahli Kabinet Keluarga Malaysia adalah profesional.

“Waktu PRN Melaka sebelum ini pun kita bertembung, kita tidak bawa soal Kabinet di situ. Saya percaya apa yang berlaku

di Johor kita tidak bawa dalam Kabinet.

“Kabinet adalah profesional sebab soal dasar dan kepentingan negara yang mana setiap keputusan kita buat secara bersama,” katanya.

Berhubung memorandum persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik dimeterai Pakatan Harapan (PH) dengan Kerajaan Persekutuan yang berakhir pada 31 Julai, Ismail Sabri berkata, MoU itu belum tamat dan perlu menunggu sehingga ia berakhir.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, kemenangan tersebut juga bukti bahawa BN satu-satunya parti yang mampu membela kebajikan rakyat dulu, kini dan selamanya.

Menurut beliau, kemenangan tersebut di luar jangkaan kerana berdasarkan kajian sikap yang dilaksanakan BN dijangka memperoleh majoriti mudah atau menang sebanyak 35 kerusi.

“Rakyat sudah boleh membuat perbandingan. Dulu tidak boleh sebab negara diperintah BN 60 tahun, ramai rakyat waktu itu melihat kelemahan BN.

“Tapi kini mereka boleh menilai dan ternyata apa dijanjikan (parti politik) tidak dipenuhi dan rakyat menilai siapa lebih baik dan terbukti BN lebih prihatin,” kata beliau.